

16 AUG 1996

Mahathir - Ekonomi

KEJAYAAN EKONOMI MALAYSIA BUKAN SEKADAR KEBETULAN

LANGKAWI, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata prestasi cemerlang ekonomi Malaysia dengan purata kadar pertumbuhan 8.7 peratus sejak lima tahun lepas, bukan sesuatu yang terjadi secara kebetulan.

Perdana Menteri berkata ia dicapai hasil dasar dan program yang disusun dengan teliti dan dilaksanakan dengan adil dan bijaksana.

"Dasar-dasar kita begitu berjaya sehinggakan kita kini mengalami kekurangan tenaga kerja. Keperluan untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi menyebabkan berlaku defisit dalam imbalan pembayaran kerana projek-projek besar dan industri baru memerlukan barangan modal dan bahan pembinaan yang canggih," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Konvensyen Fujian Sedunia Kedua dan Pameran Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-Fujian yang dihadiri oleh 2,500 orang mewakili 20 persatuan Hokkien dari seluruh dunia. Konvensyen dua hari itu dianjurkan oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia. Konvensyen pertama diadakan di Los Angeles pada 1994.

Perdana Menteri berkata akibat daripada masalah-masalah itu, Malaysia tidak lagi menggalakkan industri yang memerlukan banyak tenaga kerja, sebaliknya memilih industri berdasarkan modal dan teknologi.

Perubahan ini serta usaha menggalakkan industri pembuatan secara besar-besaran diharap dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dan seterusnya defisit dalam imbalan pembayaran.

Sekalipun terdapat masalah-masalah ini, Perdana Menteri berkata Malaysia merupakan pangkalan menarik bagi ahli-ahli perniagaan sama ada yang ingin mengembangkan pelaburan mereka atau yang mahu mengambil kesempatan daripada potensi yang ditawarkan oleh rantau Asia-Pasifik.

Sambil meminta mereka yang berhajat meluaskan kepentingan perniagaan mereka di rantau ini supaya melihat potensi di Malaysia, Dr Mahathir berkata : "Faktor-faktor yang menyumbang kepada iklim pelaburan Malaysia termasuk kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi yang tinggi, pentadbiran yang cekap, tenaga kerja yang produktif dan infrastruktur yang tersedia."

"Masalah rasuah ialah pada tahap minimum dan tidak menjejaskan perkembangan ekonomi manakala karenah birokrasi adalah jarang," katanya.

Mengenai hubungan perdagangan Malaysia dan China, beliau berkata terdapat peningkatan tiga kali ganda dalam tempoh 1990 hingga 1995.

Perdagangan dua hala sejak tiga tahun lepas memihak kepada Malaysia, dengan lebih dagangan berjumlah RM614 juta pada 1995.

Dr Mahathir berkata bahawa secara amnya pelaburan dari China dalam sektor pembuatan di Malaysia dalam bentuk projek yang diluluskan telah meningkat walaupun jumlah projek agak kecil.

Antara 1987 dan April 1996, sejumlah 44 projek melibatkan pelaburan sebanyak RM615.5 juta dari China telah diluluskan.

Perdana Menteri berkata terdapat skop yang baik untuk kerjasama dalam bidang perindustrian antara wilayah Fujian dan Malaysia.

Ini ialah kerana Fujian dan wilayah-wilayah lain serta kawasan-kawasan persisiran pantai di China merupakan destinasi utama bagi pelaburan asing.

-- BERNAMA

MFJ MAI